



Ruj Kami: KKDN.S.205/208/2 Kit 4 (24)

Tarikh: 19 Oktober 2009

Semua Syarikat Kawalan Keselamatan Yang Berdaftar di bawah Akta Ejensi Persendirian 1971

Y.Bhg Dato'/Tuan/Puan,

PEMBAHARUAN LESEN UNTUK MENJALANKAN URUSAN DI BAWAH AKTA EJENSI PERSENDIRIAN 1971

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana Y.Bhg Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, lesen agensi persendirian di bawah Akta Ejensi Persendirian 1971 perlu diperbaharui setiap tahun yang mana tamat tempoh lesen adalah 31 Disember setiap tahun.

3. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa Kementerian telah menetapkan syarat tambahan bagi tujuan **pembaharuan lesen di bawah Akta Ejensi Persendirian 1971 bagi tahun 2010** yang perlu dipatuhi seperti berikut:

3.1. kuota pengawal keselamatan (pengawal tempatan dan pengawal Nepal) milik syarikat yang mengikuti kursus sehingga akhir 2009 mencapai sekurang-kurangnya 65%; dan

3.2 sekurang-kurangnya 10% daripada pengawal keselamatan Nepal telah mengikuti Kursus Kemahiran Pengawal Keselamatan Nepal.

4. Permohonan pembaharuan lesen perlu dilakukan dengan mengisi maklumat-maklumat di dalam sistem on-line. (melalui laman web - <http://kdnapps.kdn.gov.my/portal/>) dan mengemukakan cetakan borang permohonan on-line yang telah ditandatangani oleh pengarah syarikat. Pihak syarikat perlu mengemas kini maklumat-maklumat di dalam sistem tersebut. Seterusnya dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan semasa permohonan pembaharuan lesen adalah seperti berikut:

4.1 Dokumen Sokongan

- | | | |
|--|---|-----------------------------------|
| a. Borang 24; | } | Disahkan oleh Setiausaha syarikat |
| b. Borang 49; | | |
| c. Borang 32A; | | |
| d. Penyata kewangan beraudit terkini (sekurang-kurangnya bagi tahun kewangan berakhir 2008); | | |

- e. Resit bayaran KWSP (sepanjang tahun 2009);
- f. Resit bayaran PERKESO(sepanjang tahun 2009);
- g. Resit bayaran cukai perkhidmatan (sepanjang tahun 2009);
- h. Resit bayaran cukai pendapatan (sepanjang tahun 2009);
(jika ada tunggakan bagi perkara (e), (f), (g) dan (h), sila kemukakan surat pengesahan penyelesaian dari jabatan berkaitan)
- i. Polisi insurans;
- j. Laporan pemeriksaan perubatan (jika terdapat pengawal keselamatan yang berumur 56 tahun hingga 60 tahun);
- k. Salinan Lesen BNM [Lesen 2(b)];
- l. Salinan lesen asal.
- m. Borang F : maklumat kakitangan dan pengawal keselamatan tempatan (bulan terkini);
- n. Borang maklumat pengawal keselamatan Nepal (bulan terkini);
- o. Borang maklumat cawangan berserta surat lantikan pengurus cawangan (bulan terkini);
- p. Borang maklumat kontrak (bulan terkini);
- q. Slip bayaran levi PSMB (sepanjang tahun 2009); dan
- r. Maklumat korporat cetakan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (terkini).

5. Justeru pihak Y.Bhg Dato'/Tuan/Puan adalah diingatkan supaya memastikan syarat-syarat di atas dipatuhi bagi mengelakkan sebarang masalah semasa pembaharuan lesen. Syarikat juga diingatkan supaya mematuhi peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Ejensi Persendirian 1971 dan Surat Pekeliling Agensi Persendirian kerana ia diambil kira semasa proses pembaharuan lesen dilaksanakan.


6. Untuk makluman, permohonan pembaharuan lesen yang lengkap perlu dikemukakan ke Kementerian sebelum 31 Disember 2009. Bagi syarikat-syarikat yang gagal, tindakan tegas akan dikenakan termasuk tidak diluluskan pembaharuan lesen bagi tahun semasa.

7. Sekiranya pihak Y.Bhg Dato'/Tuan/Puan mempunyai sebarang pertanyaan bolehlah menghantar e-mel ke Kementerian di rosmida@moha.gov.my atau di talian 03-88868572.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(DATO' SRI MAHMOOD BIN ADAM)
Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri

DAFTAR PENGAWAL KESELAMATAN WARGANEGARA NEPAL

Tarikh surat kelulusan/rujukan : _____

Bilangan yang diluluskan : _____

Bil	Nama Pekerja (a)	Nombor Passport (b)	Tarikh Lahir (c)	Tarikh masuk Kerja (d)	Tempat Bekerja (e)	Jawatan (f)	Alamat Tempat Tinggal Di Malaysia (g)	Tarikh Tamat PLKS (h)

Catatan : (e) Nyatakan nama syarikat dan alamat di mana pegawai keselamatan Nepal ditempatkan / bertugas

BORANG F

Ibu Pejabat/Cawangan: _____

Bulan: _____

Bil.	Nama Pekerja	Nombor Kad Pengenalan (a)	Tarikh Lahir (b)	Tempat Lahir (c)	Taraf Warga Negara (d)	Bangsa (e)	Jantina (f)	Alamat (g)	Tarikh Masuk Kerja (h)	Jawatan (i)	Tapisan Keselamatan (j)	No. KWSP (k)	No. Socso (l)	Bekas Polis/ Tentera & Nombor (m)

Catatan : (j) Nyatakan status Tapisan Keselamatan (lulus/menunggu keputusan)

MAKLUMAT CAWANGAN

LAMPIRAN 2

Negeri Beroperasi: _____

Bil	Nama Pengurus (a)	Tarikh Lantikan (Sila kemukakan sesalinan surat lantikan ke Kementerian) (b)	Alamat pejabat (c)	No. Telefon/Faks (d)	Jumlah Pengurusan (e)	Jumlah pekerja (f)	Jumlah Pengawal (g)

Catatan : (b) Sila kemukakan sesalinan surat lantikan ke Kementerian

MAKLUMAT KONTRAK/TENDER

Negeri: _____

Bil.	Nama dan Alamat Pelanggan (a)	Nilai kontrak (b)	No. Kontrak (c)	Tarikh Mula Kontrak (d)	Tarikh Tamat Kontrak (e)	Jumlah Pengawal (f)